



Aplikasi Model Islamisasi Ilmu Al-Ghazali Dalam Membentuk Masyarakat Madani

(Al-Ghazali's Islamization Model Application in Forming a Civil Society)

Suliah Mohd Aris^{1*}, Sumaiyah Bahri¹, Aishah Azlan¹, Asmaa' Mohd Arshad¹

¹Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 24 July 2024

Accepted 20 September 2024

Published 28 October 2024

Keywords
Al-Ghazali
Islamization
knowledge
madani
model

Katakunci:
Al-Ghazali
ilmu
Islamisasi
madani
model

DOI:

<https://doi.org/10.24191/jcis.v10i3.18>

ABSTRACT

The concept of Malaysia Madani as introduced by the Prime Minister, Datuk Seri Anwar Ibrahim aspires to establish Malaysia as a well-balanced developed nation founded on values, ethics and *akhlaq*. The journey to attain this holistic development is not an easy undertaking, especially in the midst of this current globalisation era that witnesses the rampant spread of Western ideologies that influences the society's thoughts and lifestyle. Moreover, the impact of colonial knowledge brought by the West has rendered confusion of thought between truth and falsehood. The understanding of true knowledge is crucial to encounter this adversity. Therefore, this study analyses the model of Islamisation of Knowledge of Al-Ghazali as a scholar capable of clarifying confusion during his time. The methodology of this study employs a qualitative design, which is the application of library research. Primary data is drawn from al-Ghazali's masterpiece, namely *Al-Munqidh min al-Dalal* (The Deliverance from Error), *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* (The Revival of The Religious Sciences), and *Maqāsid al-Falāsifah* (The Aims of Philosophers) to identify the model of Islamization of knowledge he applied. Following that, the data obtained will be analysed using content analysis to achieve the research objectives. The findings of the study indicate that the application of this model not only shapes a madani society that embody the noble and balanced value of *rabbaniyah* and *insaniyah*, but also fosters critical thinking and the ability to filter current ideologies.

^{1*} Corresponding author. E-mail address: sulia384@uitm.edu.my
<https://doi.org/10.24191/jcis.v10i3.18>

ABSTRAK

Konsep Malaysia Madani yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bermatlamat melahirkan Malaysia sebuah negara maju yang seimbang berteraskan nilai, etika dan akhlak. Pembangunan holistik yang hendak dicapai ini bukanlah satu usaha yang mudah apatah lagi di era globalisasi kini yang memperlihatkan pengaruh ideologi Barat terlalu mudah meresapi pemikiran dan gaya hidup masyarakat. Malahan impak ilmu kolonial yang dibawa oleh mereka menyebabkan keceleruan pemikiran antara yang benar dan salah. Fahaman ilmu yang benar adalah penting dalam menghadapi situasi ini. Justeru itu kajian ini menganalisa model Islamisasi ilmu Al-Ghazali sebagai tokoh ilmuan yang mampu menyaring keceleruan pemikiran di zamannya. Metod kajian ini adalah menggunakan reka bentuk kualitatif iaitu kajian perpustakaan. Data primer di ambil dari karya Al-Ghazali iaitu *Al-Munqidh min al-Dalal* (Penyelamat daripada Kesesatan), *Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn* (Menghidupkan kembali ilmu-ilmu Agama) dan *Maqāṣid al-Falāṣifah* (Tujuan Ahli-ahli Falsafah) dalam mengenalpasti model Islamisasi ilmu yang digunakan beliau. Seterusnya data-data yang diperolehi tersebut dianalisis menggunakan analisa kandungan bagi mencapai objektif kajian. Hasil kajian mendapat bahawa aplikasi model ini bukan sahaja mampu membentuk masyarakat madani yang bersifat *rabbaniyah* dan *insaniyah* yang berperibadi luhur dan seimbang bahkan berfikiran kritis dan mampu menyaring ideologi semasa masa kini.

1.0 PENDAHULUAN

Gagasan Malaysia Madani diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia ke sepuluh pada 19 Januari 2023 sebagai usaha membangun negara yang lebih mampan, makmur dan adil. Ini menunjukkan perbincangan berkaitan masyarakat madani telah diangkat dan diwacanakan di peringkat tertinggi Malaysia (Wan Hashim, 2023). Istilah masyarakat madani sebelum ini telah dikemukakan buat pertama kali oleh beliau ketika menjadi Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada tahun 1995 dalam ceramahnya pada Festival Istiqlal di Jakarta, Indonesia (Hamim, 2000). Istilah madani sebenarnya bukanlah suatu yang baru kerana ia telah mula diperkenalkan oleh Al-Farabi (870-950) bagi melambangkan masyarakat bandar yang mempunyai ketinggian nilai dan budi bahasa. Bagi melahirkan masyarakat yang berperibadi tersebut, aspek pendidikan adalah instrumen yang amat penting kerana melaluiinya bukan sahaja potensi seseorang dicungkil namun nilai akhlak dan adab turut disemai. Malahan pendidikan yang baik mampu melahirkan insan seimbang dan dapat melaksanakan tanggungjawab kekhilafahannya. Bagi menjayakan usaha tersebut, bukan sahaja pendidikan yang seimbang perlu dimantapkan, bahkan Islamisasi ilmu wajar dilaksanakan. Ini adalah kerana kepesatan teknologi kini memudahkan ilmu kolonial yang bertentangan dengan pandangan alam meresap masuk ke dalam pemikiran masyarakat. Ideologi Barat yang membawa keceleruan ilmu dan pemikiran seperti sekularisme, liberalisme, relativisme dan sebagainya perlu disaring agar tidak merencatkan pembentukan masyarakat madani yang menjadi gagasan negara masa kini.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Aspek pendidikan adalah medium terpenting dalam membentuk masyarakat madani kerana ia merupakan proses memelihara dan membangunkan manusia serta melahirkan insan yang berakhlak dan bermoral (Hasbullah et al., 2020). Justeru itu, sistem pendidikan perlu dibentuk berdasarkan matlamat dan wawasan sesebuah negara (Abdul Mukti, 2018). Di Malaysia, Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)

adalah tunjang kepada sistem pendidikan dan merupakan panduan lengkap dalam pembangunan insan yang holistik dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani (Syahirah et al., 2022).

Untuk mencapai matlamat tersebut, pelbagai cabaran terpaksa dihadapi terutama di era kepesatan teknologi masa kini. Kajian yang dibuat oleh Abdul Hakim bertajuk "*Pendidikan Islam Dalam Era Revolusi Industri 4.0*" (2020), mendapati kepesatan teknologi masa kini turut membawa pelbagai kesan negatif seperti gejala sosial, kepudaran nilai kemanusiaan dan sebagainya. Media teknologi dan media massa yang kurang kawalan membawa kepada keruntuhan akhlak dan tatacara hidup remaja kini (Nurzatil et al., 2021). Menurut kajian yang dilakukan oleh Syahirah et al. (2022), isu berkenaan globalisasi, penularan ideologi sekularisme dan liberalisme, penilaian berasaskan peperiksaan serta isu keprofesionalan guru perlu diberikan perhatian yang serius agar sistem pendidikan berjalan lancar dan mencapai matlamat. Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) tidak hanya setakat difahami tetapi memerlukan penghayatan dalam kalangan pendidik agar mereka mampu melaksanakan tanggungjawab secara secara profesional. Selain itu, usaha melahirkan insan bersepada yang sejajar dengan teras Malaysia Madani (Anwar, 2023) ini tidak mampu dicapai jika konsep kesepadan ilmu tidak dilaksanakan secara menyeluruh (Ikhwan et al., 2021). Ini adalah kerana menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas, krisis nilai yang berlaku masa kini adalah disebabkan budaya ingkar ilmu apabila makna ilmu, tujuan menuntut dan menyebarkan ilmu diselewengkan serta hierarki ilmu diterbalikkan (Wan Daud, 2019).

Justeru itu dalam mengatasi situasi tersebut, kajian ini mengkaji model Islamisasi ilmu yang diutarakan oleh Al-Ghazali agar dapat diaplakisikan dalam usaha menjayakan hasrat kerajaan tersebut.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah perpustakaan dalam memperolehi maklumat daripada buku-buku, akhbar dan artikel yang berkaitan. Kaedah perpustakaan elektronik (internet) juga digunakan dalam mencari bahan sampingan bagi mengukuhkan kajian. Data-data primer diperolehi menerusi karya-karya Al-Ghazali iaitu kitab *Al-Munqidh min al-Dalal* (Penyelamat daripada Kesesatan). Selain itu karya beliau yang lain turut digunakan seperti kitab *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* (Menghidupkan Kembali Ilmu-ilmu Agama) dan *Maqāṣid al-Falāṣifah* (Tujuan Ahli-ahli Falsafah) dalam mengenalpasti model Islamisasi ilmu yang digunakan beliau. Data-data yang diperolehi kemudian di analisis menggunakan kaedah analisa kandungan dengan merujuk kepada bahan-bahan berautoriti bagi mencapai tujuan kajian.

4.0 KAJIAN LITERATUR

4.1 Konsep Masyarakat Madani

Menurut Kamus al-Mu’jam (2003), perkataan madani berasal daripada perkataan bahasa Arab iaitu *maddana* yang bermaksud halus dan beradab sopan dalam budi bahasa dan tingkah laku. Ia berasal daripada perkataan *dana - dinan* yang bermaksud agama. Agama yang dimaksudkan di sini ialah agama Islam atau cara hidup Islam. Dari kata akar ini muncullah perkataan *madinah* (kota), *madani* (masyarakat kota) dan *tamaddun* (tamadun). Istilah madani ini mula diperkenalkan oleh Al-Farabi (870-950) dan kemudian dikembangkan oleh Ibn Miskawayh (936-1030) dan Ibn Khaldun (1332-1406).

Istilah madani yang dilontarkan oleh Al-Farabi lebih luas pemahaman dan skopnya berbanding dengan kerangka konseptual politik yang diperkenalkan oleh Aristotle. Dengan kata lain, kupasan berkaitan dengan istilah madani adalah lebih dekat dengan maksud ilmu ketamadunan, peradaban atau konsep negara Islam (Bakar, 1997). Al-Attas (1992) menyatakan bahawa masyarakat madani mempunyai dua ciri iaitu masyarakat kota dan masyarakat beradab. Ciri masyarakat madani juga dirumuskan sebagai masyarakat yang mempunyai kemajuan dalam pembangunan fizikal dan spiritual dengan mengamalkan ketinggian budi

pekerbi dan kesantunan (Mohd Farihal, 2016). Secara umumnya masyarakat madani merupakan masyarakat yang meletakkan kedudukan ajaran Islam sebagai nilai yang tinggi dalam peradaban demi menjayakan kesejahteraan dan kemakmuran negara.

4.2 Konsep Malaysia Madani

Konsep Malaysia Madani merupakan suatu slogan yang diusulkan oleh Perdana Menteri Malaysia kesepuluh ketika negara menghadapi kemelut dan kepincangan dalam pelbagai aspek kehidupan merangkumi ekonomi, politik dan sosial. Ia mula diperkenalkan pada 19 Januari 2023 sebagai suatu ikhtiar secara bersepdu dan holistik untuk menjadikan segala dasar dan pelaksanaan di Malaysia lebih bersifat manusawi (Ummi Munirah, 2023). Enam nilai teras madani dicerakin kepada kemampunan (M), kesejahteraan (A), daya cipta (D), hormat (A), keyakinan (N) dan ihsan (I) sebagai kerangka dasar dan falsafah yang berkait rapat dan bersepdu dengan setiap satunya turut menguatkan yang lain (Anwar, 2023). Tujuan gagasan ini adalah untuk membina kecemerlangan dan peradaban masyarakat Malaysia dari segi fizikal dan spiritual (Ismail, 2023). Menerusi pendekatan politik dengan wajah Islamik yang berlatarkan demografi Malaysia ini dipercayai mampu memacu pencapaian kesejahteraan serta keharmonian rakyat majmuk menurut acuan Malaysia. Bagi menjayakannya, aspek pendidikan yang bersepdu amat penting dan perlu dimantapkan agar kemenjadian insan madani yang berperibadi mulia dalam masyarakat negara ini dapat dicapai (The Sundaily, 2023).

4.3 Konsep Islamisasi Ilmu

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2013), Islamisasi merujuk kepada usaha atau proses untuk menjadikan sesuatu patuh atau sejajar dan selari dengan ajaran Islam. Istilah ini juga membawa maksud proses pengislaman yang bertujuan untuk membendung pengaruh atau penerapan budaya Barat pada sesuatu. Islamisasi ilmu menurut Al-Attas (2020) pula adalah pembebasan manusia dari unsur tradisi, tahlul, mitos, animis, kebangsaan dan kebudayaan dan pembebasan akal dan bahasa dari Sekularisme. Manakala menurut Al-Faruqi (1989) Islamisasi ilmu ialah mengatur dan menghubungkan data-data, menilai kembali kesimpulan-kesimpulan, mengulangkaji semula tujuan-tujuan hingga disiplin ilmu tersebut memperkayakan wawasan Islam dan bermanfaat bagi cita-cita Islam. Keperluan kepada Islamisasi ilmu ini disebabkan ilmu moden masa kini tidak neutral kerana telah dipengaruhi oleh pandangan keagamaan, kebudayaan dan falsafah Barat melalui ilmu kolonial. Kesannya umat Islam tanpa sedar menerima secara total tanpa melakukan saringan.

Sejarah Islamisasi ilmu sebenarnya bermula dengan penurunan wahyu pertama iaitu Surah al-'Alaq ayat 1-5. Penurunannya merupakan titik permulaan proses pengislaman sebahagian besar masyarakat Arab daripada asas pemikiran jahiliah ketika itu. Ayat ini menceritakan dasar ontologi dan epistemologi iaitu tentang konsep ketuhanan dan konsep ilmu sebenar. Ianya menjelaskan asas bagi sumber segala ilmu pengetahuan berkaitan proses penciptaan alam dan makhluk yang lain yang menjadi sumber utama akal manusia dalam berfikir. Konsep berfikir secara betul memerlukan sumber pengetahuan yang jelas dan tidak boleh wujud keraguan akan sumber ilmu tersebut.

Perjuangan Islamisasi diteruskan oleh sahabat di zaman Khulafa al-Rasyidin selepas kewafatan Baginda Rasulullah saw. Salah satu daripada proses Islamisasi yang dilakukan mereka adalah pembukuan al-Quran (Wazzainab, 2015). Usaha Islamisasi berterusan di zaman tabiin, tabi' tabi'in dan generasi berikutnya sehingga pada zaman Al-Ghazali. Menurut Prof. Wan Mohd. Nor Wan Daud di dalam bukunya *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib Al-Attas* (1998), menegaskan bahawa sumbangan Al-Ghazali pada abad kelima Hijrah merupakan kesinambungan dan salah satu contoh pencapaian penting Islamisasi ilmu yang diasaskan oleh Baginda Rasulullah saw. Islamisasi ilmu kemudiannya dicetuskan kembali secara komprehensif oleh tokoh-tokoh sarjana Islam seperti Prof.

Syed Muhammad Naquib al-Attas (1931), Fazlur Rahman Malik (1919-1988) dan al-Faruqi (1921-1986) (Wazzainab, 2015).

5.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

5.1 Biografi Imam Al-Ghazali (1058-1111M)

Imam Al-Ghazali atau nama sebenarnya ialah Muhammad bin Muhamammad bin Muhammad bin Ahmad Al-Ghazali al-Tusi pada tahun 450H (1058M). Beliau lebih dikenali dengan panggilan Al-Ghazali kerana dinisbahkan kepada nama kampung kelahirannya iaitu Ghazalah yang terletak di Bandar Tusi di wilayah Khurasan, Parsi (Iran). Bapa Al-Ghazali merupakan seorang tukang tenun kain bulu yang dalam bahasa arabnya dikatakan al-Ghazzal. Antara nama gelaran Al-Ghazali ialah Abu Hamid yang bererti bapa kepada Hamid iaitu anaknya dan juga digelar Hujjatul Islam iaitu gelaran penghormatan yang diberikan kepadanya kerana kekuatan hujjahnya membela agama Islam (Nurul Hartini et al., 2019).

Beliau telah mempelajari ilmu-ilmu seperti feqah dan ilmu kalam atau ilmu falsafah seperti mantiq, jidal, hikmah dan lain-lain sehingga beliau mengetahui pelbagai mazhab, perbezaan pendapat dan dapat menolak aliran yang dianggap salah. Kecintaannya terhadap ilmu pengetahuan begitu mendalam sehingga mendorongnya menggembira dan merantau dari sebuah tempat ke tempat lain untuk berguru dengan ulama-ulama yang hidup sezamannya. Selain belajar dan mengkaji, beliau banyak menulis dan dianggarkan hasil penulisannya sebanyak 300 buah buku, mencakupi pelbagai bidang seperti mantiq, akhlak, tafsir, Ulum al-Quran, falsafah dan sebagainya. Antara karyanya ialah *Al-Munqidh min al-Dalal* (Penyelamat daripada Kesesatan), *Tahāfut al-Falāsifah* (Penghancuran Falsafah) dan *Maqāṣid al-Falāsifah* (Tujuan Falsafah) (Kamal Azmi, 2014). Beliau juga terkenal sebagai ahli falsafah Islam yang berupaya mengupas falsafah Yunani seperti Socrates dan Aristotles serta membincangkan pelbagai masalah yang sulit dengan cara yang halus dan tajam. Selain itu, beliau turut merapatkan jurang antara ahli tasawuf dan ahli feqah yang berlaku di zamannya (Al-Ghazali, 2007)


5.2 Model Islamisasi Ilmu Al-Ghazali

Sebelum membincangkan Model Islamisasi Ilmu Al-Ghazali, perlulah dilihat terlebih dahulu Model Epistemologi Ilmu beliau sebagai asas penting dalam menjayakan proses Islamisasi tersebut. Penekanan Al-Ghazali dalam epistemologi ilmu dijelaskannya dalam kitabnya *Ihya' 'Ulūm al-Dīn*. Dalam membahaskan aspek ini, beliau amat menekankan kepada aspek sumber kerana kepentingannya dalam pemurnian kerangka epistemologi Barat. Menurut Al-Ghazali sumber terbahagi kepada dua iaitu sumber *rabbaniyyah* atau naqli (ketuhanan) dan *insaniyyah* atau aqli. Sumber *rabbaniyyah* yang utama ialah al-Quran dan al-Sunnah yang bukan sahaja sebagai rujukan akidah tetapi juga menjadi sandaran utama bagi pemikiran kritis dan rasional. Al-Ghazali meletakkan keduanya sebagai sumber utama yang mendasari fungsi akal dan intuisi. Manakala sumber *rabbaniyyah* yang kedua ialah ilham kerana baginya ia merupakan sumber utama menemui kebenaran. Ilham hanya boleh dicapai melalui keadaan hati yang bersih. Seterusnya sumber *insaniyyah* yang dibincangkan oleh Al-Ghazali ialah akal dan pancaindera. Secara keseluruhannya beliau menekankan fungsi akal untuk menemui kebenaran. Sumber keempat adalah pancaindera yang menurutnya ia merupakan alat pertama manusia gunakan selepas dilahirkan di dunia untuk mengetahui sesuatu. Bagi Al-Ghazali sumber *insaniyyah* iaitu akal dan pancaindera mempunyai keterbatasan. Justeru itu Al-Ghazali turut menerangkan hubungan harmoni yang perlu ada antara akal dengan wahyu bagi menghasilkan pandangan ilmu yang menyeluruh dan sempurna (Al-Ghazali, 2007).

Selain perbincangan sumber, Al-Ghazali dalam kitabnya *Ihya* (2007) turut membincangkan kategori ilmu yang terdiri daripada ilmu fardu ain dan ilmu fardu kifayah. Ilmu fardhu ain adalah wajib ke atas setiap Muslim yang mukallaf iaitu pertama ilmu akidah untuk mengenal keesaan Allah SWT, kedua ilmu feqah

<https://doi.org/10.24191/jcis.v10i3.18>

untuk mengetahui kaifiat beribadah dan hukum berkaitan, dan ketiga ilmu tasawwuf untuk mengetahui cara bertiungkahlaku dan membersihkan jiwa. Manakala ilmu fardhu kifayah pula merupakan ilmu yang wajib secara kolektif terdiri daripada ilmu syariah dan bukan syariah. Ilmu fardhu kifayah ini adalah penting dalam urusan keduniaan seperti ilmu perubatan, sains dan teknologi. Kedua-dua kategori ilmu ini tidak boleh dipisahkan namun perlu dihubungkan secara harmoni dengan mendahulukan penguasaan ilmu fardu ain dan menjadikannya asas kepada ilmu fardu kifayah. Selain itu beliau turut membahaskan tentang sifat ilmu yang mempunyai kaitan dengan sumber ilmu. Justeru daripada dua aspek ini terhasil sifat ilmu iaitu syumul dan luas. Islam mengiktiraf semua jenis ilmu yang bermanfaat dan tidak hanya terbatas kepada ilmu daripada al-Quran dan al-Sunnah sahaja. Islam meletakkan ilmu fardu kifayah sama penting dengan ilmu fardu ain kerana ketiadaan ilmu fardu kifayah menyukarkan pelaksanaan ilmu fardu ain. Selain itu Al-Ghazali turut mengambil berat tentang batasan akal kerana terdapat perkara yang tidak boleh difikirkan oleh akal dan di situ lah pergantungan seharusnya disandarkan kepada wahyu secara total (Nurul Asiah, 2022). Secara ringkasnya Model Epistemologi Ilmu menurut Al-Ghazali adalah seperti rajah berikut:



Rajah 1: Model Epistemologi Ilmu Al-Ghazali
Sumber: Nurul Asiah Fasehah binti Muhammad, 2022

Model epistemologi ilmu inilah menjadi asas kepada Islamisasi ilmu yang dibawa oleh Al-Ghazali. Proses Islamisasi ilmu bagi Al-Ghazali, beliau tidak menolak terus ilmu asing di zamannya. Sebaliknya telah mengambil daya inisiatif dengan memperhalusi secara mendalam dan kritikal terhadap falsafah silam sehingga terhasilnya kitab *Maqāṣid al-Falāsifah* (Tujuan Ahli-ahli Falsafah) sebelum membidas hujah metafizik tersebut dalam kitabnya yang lain iaitu *Tahāfut al-Falāsifah* (Kekeliruan Ahli Falsafah). Bahkan beliau menyaring maklumat yang betul dan tidak bertentangan dengan akidah Islam daripada falsafah Yunani tersebut. Pendekatan atau kaedah tersebut adalah bertepatan dengan pesanan Saidina Ali R.A yang dipetik secara jelas di dalam autobiografi Al-Ghazali: *Al-Munqidh min al-Dalal* (Penyelamat daripada Kesesatan) (Al-Ghazali, 1988). Antara ayat yang dinyatakan ialah usaha dalam mengenali kebenaran itu adalah berdasarkan sumber kebenaran itu sendiri yang membawa kepada perkara asas sesuatu perkara yang ada. Bukan mencari kebenaran daripada manusia kerana manusia merupakan insan yang mudah terpengaruh dengan pelbagai unsur dan melahirkan pandangan yang bersifat relatif.


Menurut Al-Ghazali, adakalanya kebenaran itu berbaur dengan kebatilan, seperti mana emas yang bergelumang dengan batu-batu kerikil dan kotoran. Maka hendaklah kebenaran itu dipisahkan daripada kebatilan seperti emas yang perlu diasingkan daripada batu kerikil. Walaubagaimanapun tugas tersebut mensyaratkan ilmu sebagai penyaring kebenaran, ia wajar dilaksanakan oleh para ilmuwan yang berwibawa supaya mampu membezakan perkara yang hak daripada yang batil seperti mana tukang emas yang mampu membezakan emas tulin daripada suasa. Mereka yang tidak arif dalam hal ini dilarang daripada mengkaji falsafah apatah lagi melibatkan diri dengan proses saringan ini, ibarat seorang kanak-kanak yang tidak pandai berenang, perlu dilarang daripada berdiri di tebing sungai kerana dikhuatiri akan jatuh dan lemas di dalam sungai tersebut.

Satu lagi perumpamaan menarik yang dikemukakan oleh Al-Ghazali terhadap ilmuwan yang mampu melaksanakan tugas tersebut seperti seorang pawang ular yang mampu membezakan penawar daripada bisa ular tersebut. Biarpun kedua-duanya berasal daripada sumber yang sama, bisanya perlu dibuang manakala penawarnya amat berguna dan perlu dimanfaatkan. Meskipun begitu, tidaklah wajar bagi pawang tersebut untuk memegang ular tersebut di hadapan anak kecilnya kerana dikhawatir anak tersebut beranggapan bahawa beliau juga berkemahiran seperti ayahnya. Bertitik-tolak daripada prinsip ini, Al-Ghazali tidaklah menerima bulat-bulat mahupun menolak sama sekali akan falsafah tersebut. Menolak sama sekali bermakna seseorang itu menolak sebahagian daripada kebenaran memandangkan terdapat sebahagian daripada pandangan falsafah bertepatan dengan al-Quran dan al-Sunnah. Manakala menerimanya bulat-bulat akan menggelincirkan seseorang itu daripada landasan kebenaran kerana ia bercampur aduk dengan kebatilan.

Sungguhpun begitu, beliau lebih bersikap terbuka terhadap cabang-cabang ilmu falsafah yang lain seperti logik, matematik, politik dan etika. Bahkan beliau telah menyusun dan mengklasifikasikan semula ilmu-ilmu tersebut mengikut martabat keutamaannya dalam kerangka disiplin ilmu Islam. Secara umumnya, pembahagian ilmu menurut Al-Ghazali adalah berdasarkan kepada sumber dan fungsi ilmu tersebut. Menurutnya jenis ilmu yang terbaik adalah ilmu yang bersumberkan akal dan wahyu.

Dalam proses Islamisasi ini, Al-Ghazali menekankan kepada sumber ilmu sebagaimana yang dibicangkan dalam Model Epistemologi Al-Ghazali. Beliau meletakkan sumber wahyu sebagai sumber tertinggi di samping mengiktiraf sumber akal. Menurut Al-Ghazali akal yang sihat mampu mengatur dan menemukan hubungan yang sesuai dalam setiap ruang ilmu yang ada. Penelitiannya terhadap ilmu-ilmu aqli ini pada hakikatnya telah meletakkan semula kedudukan dan peranan akal sebagai alat untuk insan menuturi wahyu Ilahi dalam pemahaman dan penghayatan. Walau bagaimanapun keupayaan akal tetap terbatas dan tetap memerlukan wahyu untuk memandunya ke arah kebenaran. Pada dasarnya, inilah punca kritikan Al-Ghazali terhadap segelintir ahli falsafah yang meletakkan keupayaan akal melebihi atau sama tarafnya dengan wahyu. Secara umumnya terdapat dua proses utama Islamisasi yang telah dikemukakan oleh Al-Ghazali, di mana ianya melibatkan:

- (i) pembezaan di antara perkara yang benar dan salah (*tamyiz al-haqq 'an al-batił*)
- (ii) penyaringan perkara yang benar daripada kata-kata (sumber-sumber) *ahli batil*



Rajah 2 : Model Islamisasi Al-Ghazali

Sumber : Penulis, 2024

Walaubagaimanapun syarat utama bagi pelaksanaan proses Islamisasi ini terletak pada kewibawaan seseorang ilmuan. Kerangka pemikiran Islam dan iktikadnya perlulah benar-benar mantap serta menguasai ilmu semasa agar dapat menjelaskan segala kekeliruan serta meletakkan sesuatu itu kembali pada tempatnya yang sebenar menurut turutan hieraki dan martabat kewujudannya.

Secara umumnya prinsip dan pendekatan inilah yang gagal difahami secara menyeluruh oleh para pengkaji moden yang seringkali menyalahertikan proses Islamisasi yang diusahakan oleh Al-Ghazali. Pada

dasarnya, prinsip dan kaedah ini sedang diperjuangkan oleh Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas menerusi Gagasan Islamisasi Ilmu-ilmu Semasa (*Islamization of Present-Day Knowledge*) yang telah mula diketengahkan sejak tahun 1960-an lagi. Bezanya, Al-Ghazali pada kurun kesepuluh tersebut berhadapan dengan ancaman pemikiran yang menjurus kepada sumber akal dan pancaindera semata-mata tanpa panduan sumber yang muktabar. Manakala Al-Attas pada abad ke-20-an berhadapan dengan ancaman sekularisasi daripada tamadun Barat moden yang mana kedua-duanya adalah merupakan ancaman terhadap akidah umat Islam.

Di dalam bukunya, *Risalah untuk Kaum Muslimin* (2019), beliau menegaskan dilema yang sedang dihadapi oleh umat Islam daripada masalah dalaman dan luaran yang menyebabkan krisis identiti dan maruah diri yang semakin parah. Seterusnya beliau mengingatkan semula akan faham-faham utama dalam kerangka pemikiran umat Islam yang seringkali terkeliru lantaran lemahnya iman apabila berhadapan dengan tentang sekularisasi daripada kebudayaan dan peradaban asing (Al-Attas, 2019).

Sepertimana Al-Ghazali, Al-Attas juga menyeru para ilmuwan dan pendidik untuk memperbetulkan semula segala kekeliruan dan meletakkan sesuatu itu kembali pada tempatnya yang sebenar. Sejak zaman Al-Ghazali lagi, matlamat asal ilmu dan pendidikan telah mula menyimpang, bukan sahaja disebabkan oleh pengaruh tamadun asing, bahkan juga berpunca daripada kegagalan diri mengawal nafsu yang akhirnya tunduk pada tuntutan dunia. Sejak zamannya lagi, para qadi dan ilmuwan telah dikritik oleh Al-Ghazali atas sikap materialistik mereka yang mementingkan harta, pangkat dan kedudukan. Impaknya, mereka tidak berani untuk memperkatakan yang hak, apatah lagi untuk menegur dan menasihati pemimpin yang zalim pada waktu itu.

Konsep Islamisasi ilmu berdasarkan kitab *Maqāṣid al-Falāṣifah* (Tujuan Ahli-ahli Falsafah) menyatakan tujuan sebenarnya kebenaran dalam konteks berfikir. Penyaringan sumber yang didapati perlu diteliti, dinilai dan dirujuk pada sumber yang benar agar sesuatu perkara itu menjadi panduan yang berguna untuk kehidupan manusia.

5.3 Aplikasi Model Islamisasi Ilmu Al-Ghazali dalam Membentuk Masyarakat Madani

Aplikasi Model Islamisasi Ilmu yang diutarakan oleh Al-Ghazali mampu membentuk masyarakat madani menerusi pembentukan ciri masyarakat seperti berikut:

5.3.1 Pembentukan Masyarakat *Rabbaniyyah*

Konsep integrasi ilmu yang menjadi asas Model Islamisasi Ilmu Al-Ghazali berupaya membentuk masyarakat *rabbaniyyah* yang bermula dengan pembentukan individu. Al-Quran telah menjelaskan ciri insan *rabbani* dalam beberapa ayat iaitu Surah Ali-Imran ayat 3:79 dan 146 dan Surah al-Maidah ayat 5:44 dan 63. Menerusi ayat-ayat tersebut, Said Ḥawwa berpendapat sendi-sendi yang menjadi asas dalam binaan pembangunan modal insan *rabbani* terdiri daripada tiga komponen. Pertama komponen *thaqāfah* bagi menerapkan keilmuan, kedua komponen *tarbiyah* bagi membina jati diri dan pemantapan iman, dan ketiga komponen dakwah bagi mengasah kemahiran dakwah dan sistem organisasi yang lebih baik. Apabila memiliki ciri-ciri tersebut menjadikan insan *rabbani* mampu berhadapan dengan pelbagai cabaran semasa. Firman Allah S.W.T bermaksud:

“Tidaklah patut bagi seseorang manusia yang Allah berikan kepadanya Kitab agama dan hikmat serta pangkat Nabi, kemudian ia tergemark mengatakan kepada orang ramai: “Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang menyembahku dengan meninggalkan perbuatan menyembah Allah.” Tetapi (sewjarnya ia berkata): “Hendaklah kamu menjadi orang-orang *rabbaniyyin* (yang hanya menyembah Allah - dengan ilmu dan amal yang

sempurna), kerana kamu sentiasa mengajarkan isi Kitab Allah itu, dan kerana kamu selalu mempelajarinya.”
(Ali Imran: 79)

Berdasarkan terjemahan di atas, Said Hawa menyatakan senjata yang utama dalam membentuk masyarakat *rabbaniyyah* adalah keilmuan yang tinggi serta penyampaian ilmu tersebut kepada orang ramai bagi mensejahterakan masyarakat. Justeru, antara komponen yang menstruktur kerangka manhaj pembangunan modal insan *rabbani* menerusi ayat di atas ialah pembangunan yang mendorong kepada pengabdian kepada Allah SWT disertai ilmu dan amal. Ayat di atas secara tidak langsung menemukan suatu epistemologi pembangunan modal insan *rabbani* yang mencakupi komponen *thaqāfah* dan juga komponen tarbiah lantaran wujudnya ciri terpenting golongan *rabbani* iaitu keilmuan (*thaqāfah*) dan ketakwaan (tarbiah). Menurut Said Hawa, komponen tarbiah merupakan suatu pembangunan yang menekankan pengasuhan dan penerapan akhlak Islamiah dengan hiasan sifat mahmudah, serta penjernihan hati daripada sifat mazmumah di samping penyuburan rohani dan penyucian jiwa. Manakala komponen *thaqāfah* pula ialah proses pendidikan (*ta’lim*) yang memfokuskan pembangunan intelektual dalam diri individu Muslim bertunjangkan ketauhidan serta kemanusiaan. Dalam pada itu, pembangunan dakwah dengan pelaksanaan amar makruf nahi mungkar didapati turut menjadi komponen terpenting dalam kerangka manhaj pembangunan modal masyarakat *rabbaniyyah*.

Ibn Abbas (m. 68H) menyifatkan golongan *rabbani* adalah kelompok yang bijaksana, bertakwa, dan berjiwa pendidik. Justeru itu, pembangunan modal insan *rabbani* ini adalah sejajar dengan konsep pembangunan masyarakat madani yang memerlukan kefahaman ilmu yang tinggi bagi melahirkan masyarakat yang baik, mempunyai matlamat hidup yang jelas serta berpegang pada kebenaran dan nilai-nilai hakiki yang dianjurkan oleh agama (Md. Asham Ahamad 2000).

5.3.2 Pembentukan Masyarakat *Insaniyyah*.

Pelaksanaan Model Islamisasi Ilmu Al-Ghazali yang bertunjangkan kesepadan ilmu berupaya membentuk insan yang seimbang dan holistik. Uthman El-Muhammady menyarankan agar dicontohi konsep pembentukan insan menurut Al-Ghazali kerana ianya berpaksikan kepada ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah (Mohd Ammysrul & Shukri, 2018). Dalam kitabnya *Iḥyā ‘Ulūm al-Dīn* (2007), Al-Ghazali menegaskan pembentukan insan merangkumi pengurusan diri seperti ilmu agama, tauhid, ibadah, syariat, akhlak, rumah tangga, kerjaya, silaturahim sesama makhluk, akal budi dan pembangunan kejiwaan dan rohani (Muhammad Zulazizi, 2021). Perbicaraan mengenai aspek rohani manusia, beliau menegaskan bahawa ia terdiri daripada empat komponen dalaman iaitu hati, ruh, jiwa dan akal. Hati umpama raja dan anggota lain adalah rakyat jelata. Situasi hati juga penanda aras penerimaan Allah SWT kepada amalan makhluknya. Justeru itu bahagialah hati yang *taqarrub* (hampir) kepada Allah SWT lalu ia bersih dari kekotoran maksiat. Seorang yang mengenali hatinya maka dia mengenali dirinya, apabila ia mengenali dirinya maka dia mengenali Tuhaninya. Berdasarkan takrifan perkataan *al-insaniyyah*, dari sudut bahasa bermaksud kekuatan keinsanan yang terangkum di dalamnya aspek kekuatan mental, fizikal dan spiritual. Dari sudut istilah *al-quwwah al-insaniyyah* membawa maksud ciri-ciri keinsanan yang memiliki kekuatan dan kemantapan diri, kesungguhan dan ijtihad yang jitu, keutuhan jati diri, berpengetahuan, bertamadun, mencintai kebaikan, keamanan, bertanggungjawab, rela berkorban, bersiap siaga dalam menempuh cabaran, dugaan dan rintangan yang mendatang. Ia mencakupi seluruh aspek rohani, akal dan emosi serta jasmani sehingga membentuk sahsiah dan peribadi sebagai insan kamil (Mohamad & Norsuhaila, 2014).

Pembentukan *insaniyyah* ini tidak terlahir dengan sendirinya sebaliknya memerlukan pengaruh agama dalam kehidupan seharian. Justeru itu ajaran agama perlu dididik secara bersepada merangkumi ilmu pengetahuan, amalan dan penghayatan berteraskan tauhid. Pemantapan tauhid menerusi pendidikan akidah adalah penting agar umat Islam dapat dididik untuk melaksanakan ajaran Islam secara menyeluruh dan menjadi benteng dalam menghadapi cabaran semasa masa kini (Muhammad Zaki & Suariza, 2023).

Menurut Al-Farabi, menerusi ajaran agama inilah membolehkannya mengasaskan ilmu madani secara komprehensif dan kukuh. Pembentukan insan yang bahagia datang dari doa yang diajar oleh Tuhan kepada manusia menerusi al-Quran mengharapkan kurniaan kebaikan di dunia dan akhirat. Pembangunan masyarakat madani memerlukan kepada bimbingan dan sumbangan agama. Ciri-ciri keperibadian manusia madani, kepercayaan dan pemikirannya, akhlak dan budi pekertinya hanya dapat dibentuk dengan jayanya dalam acuan ajaran agama. Menurut Al-Farabi, masyarakat madani boleh dibentuk bukan sahaja pada peringkat kampung, bandar, dan negara tetapi juga pada peringkat dunia atau umat manusia seluruhnya (Bakar, 1997).

5.3.3 Pembentukan Masyarakat Berfikiran Kritis

Model Islamisasi Ilmu Al-Ghazali mampu melahirkan masyarakat berfikiran kritis. Pemikiran kritis merupakan kemahiran yang melibatkan kebolehan berfikir secara kritis, kreatif, inovatif, analitikal serta berkebolehan mengaplikasikan pemahaman dan pengetahuan kepada masalah baru dan berlainan (Norafifah et al., 2023). Al-Ghazali amat menyarankan manusia untuk berfikir kerana baginya akal merupakan sumber ilmu malahan menerusi penggunaan akal dengan betul akan melahirkan ketakwaan. Dalam kitabnya *Ihya* (2007), beliau membahagikan empat tingkatan akal iaitu:

- (i) Akal bererti kecerdasan yang membezakan manusia dengan binatang, mendorong secara semulajadi untuk mencari dan mengetahui pelbagai ilmu.
- (ii) Akal bererti pengetahuan logik yang dimiliki kanak-kanak apabila boleh membezakan antara yang hak dan batil
- (iii) Akal bererti pengetahuan yang diperolehi daripada pengajaran dan pengalaman.
- (iv) Akal bererti makrifah iaitu tingkat paling tinggi, dierangkan sebagai kesedaran rohaniah manusia di atas segala tindakannya yang melahirkan budi pekerti dan mencegah daripada mengikut hawa nafsu dan seterusnya membimbang menuju Tuhan Yang Maha Kuasa.

Urutan peringkat akal ini dapat difahami sebagai bentuk perkembangan akal secara keseluruhannya. Peringkat pertama dan kedua secara semulajadi dalam diri setiap manusia manakala selebihnya hanya wujud daripada hasil usaha manusia. Akal yang wujud secara semulajadi merupakan syarat kepada akal yang diusahakan. Pengertian akal pada peringkat yang terakhir adalah merupakan tujuan sebenar penciptaan akal kepada manusia. Justeru itu konsep akal menurut Al-Ghazali ini boleh berubah daripada peranan menakul kepada pengemudi kebenaran yang berhasil setelah melibatkan proses penanggapan dan perolehan ilmu serta pengalaman (Nursafra et al., 2022).

Bagi melahirkan masyarakat berfikiran kritis, Al-Ghazali amat menyarankan penggunaan akal yang disandarkan kepada al-Quran dan Hadith kerana menurutnya sumber kebenaran adalah daripada Allah SWT sebagaimana firmanNya :

”Kebenaran itu adalah dari Tuhan, maka janganlah sekali-kali engkau (Muhammad)
termasuk orang yang ragu”

(al-Baqarah, 2: 147)

Dalam hal ini bukanlah bermaksud beliau menolak semua ilmu asing malahan menyarankan agar melakukan saringan agar ilmu tersebut dapat membimbang kepada kebenaran. Beliau menyarankan agar dilakukan penyepadan antara ilmu, agama dan akhlak agar fikiran kritis dapat dilahirkan. Masyarakat yang menguasai kemahiran tersebut dapat membantu diri mereka menyelesaikan masalah yang dihadapi dengan baik malah dapat mendepani pemikiran yang terpesong daripada kerangka Islam yang semakin menular masa kini seperti sekularisme, liberalisme dan ateisme (Norafifah et.al, 2023). Selain itu, Al-Ghazali dalam bukunya *al-Muṭaṣfā min ‘ilm al-Uṣūl* turut menyarankan agar mempelajari ilmu logik (Hamat, 2005) kerana walaupun manusia dibekalkan dengan akal dan indera untuk mencapai ilmu dan kebenaran, namun

tanpa sistem berfikir yang betul, manusia tidak dapat memperolehi ilmu yang benar bahkan sentiasa terpengaruh dengan pemikiran dan kepercayaan yang salah.

Galakan berfikiran kritis dalam Islam turut dapat dilihat melalui larangan taklid dan beragama secara warisan kerana ia menimbulkan salah faham dan kebekuan mentaliti. Implikasinya, berleluasa amalan khurafat dan penyempitan fungsi agama terhadap sistem kepercayaan semata tanpa memberi impak kepada daya fikir dan daya amal (Nursafra et al., 2022). Justeru itu kemampuan berfikiran kritis ini amat penting dalam menjayakan pembentukan masyarakat madani agar mampu membezakan antara yang benar dan salah dalam mendepani lambakan maklumat dan ilmu masa kini.

6.0 KESIMPULAN

Kepesatan teknologi masa kini menyebabkan lambakan maklumat dan ilmu sehingga berlaku percampuran antara yang hak dan batil. Kegagalan membezakan antaranya menyebabkan penyaringan ilmu tidak dapat dilakukan dan akhirnya boleh mengakibatkan nilai yang bercanggah dengan pandangan alam meresap ke dalam pemikiran masyarakat tempatan. Kesannya krisis nilai dan adab boleh berlaku dalam segenap lapisan masyarakat dan merencatkan usaha pembentukan gagasan masyarakat madani yang menjadi dasar Kerajaan Madani kini. Justeru itu Model Islamisasi Ilmu yang bertunjangkan kepada epistemologi Islam yang dianjurkan oleh Al-Ghazali wajar diaplikasikan. Usaha ini sejajar dengan keperluan pembangunan masyarakat madani yang menekankan pendidikan holistik berteraskan agama agar manusia dapat membangunkan dirinya sebagai hamba dan khalifah Allah di muka bumi. Dengan kata lain, mereka yang beragama akan membina kesejahteraan rohaninya di dunia dan akhirat. Kekuatan rohani adalah penting sebagai teras kekuatan dalam menghadapi segala liku-liku penghidupan dan juga sebagai pengukur untuk menilai antara baik dan tidak. Secara tuntasnya, pelaksanaan Model Islamisasi Ilmu Al-Ghazali mampu membentuk masyarakat madani yang bersifat *rabbaniyyah* dan *insaniyyah* serta berfikiran kritis.

PENGHARGAAN

Penghargaan dirakamkan kepada Geran Penyelidikan Dalaman ACIS (GPD ACIS) bertajuk E-Talian Pemurnian Pemikiran Islam: Kajian Terhadap Keperluan Di UiTM Kod Projek: RS12022GRN78RN002. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada para penilai atas cadangan yang baik untuk penerbitan artikel ini.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai apa-apa konflik kepentingan dengan mana-mana pihak, organisasi atau individu sama ada dari segi kewangan atau kepentingan lain dalam penghasilan artikel ini.

SUMBANGAN PENULIS

Penulis pertama, kedua dan ke empat merangka, mengumpulkan bahan literatur dan menulis keseluruhan manuskrip. Penulis ketiga membuat rumusan dan semakan akhir, sebelum kesemua pengarang bersetuju menghantar manuskrip bagi tujuan penerbitan.

RUJUKAN

- Abdul Mukti Baharudin. (2018). Aulawiyyat Dalam Pendidikan Anak-anak: Kajian Terhadap Surah Luqman. eProceeding IRSYAD. 4th International Conference on Islamiyyat Studies 2018. 18-19th September 2018 Tenera Hotel Bandar Baru Bangi: Selangor
- Abdul Hakim Abdullah. (2020). Pendidikan Islam Dalam Era Revolusi Industri 4.0. Jurnal Tamaddun-FAG UMG. Vol XXI. No. 1. Januari 2020
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (2007) *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, Jilid 1, Kairo Mesir : Darussalam
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (1998). *Al-Munqidh min al-Ḍalal fī Majmū’ ‘at al-Rasā’īl al-Imām Al-Ghāzālī*. Beirut: Dār al-Fikr
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2020). Islam dan Sekularisme. Terj. Khalif Muammar A. Harris. Kuala Lumpur: RZS-CASIS.HAKIM
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2019). Risalah untuk Kaum Muslimin. Kuala Lumpur: Ta’dib International.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib (1992), Islam; The Concept of Religion and Foundation of Ethics and Morality, Kualalumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Al-Faruqi, Ismail Raji. (1989). Islamization Of Knowledge: General Principle and Workpalm. Penyt. Abu Hamid Abu Sulayman. Ed. ke-2. Washington DC: International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- Anwar Ibrahim. (2023). Membangun Negara Madani. Selangor : IDE Research Centre Sdn Bhd
- Bakar, O. (1997). Agama dan Budaya Teras Masyarakat Madani. *Jurnal Usuluddin*, 5, 1–10. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/3154>
- Elemen Pendidikan dalam Malaysia Madani Angkat Martabat Rakyat, Negara. 2023. The Sundaily 21 Januari 2023 <https://www.thesundaily.my/cerita/berita/element-pendidikan-dalam-malaysia-madani-angkat-martabat-rakyat-negara-CH10533199>
- Hamat, Mohd Fauzi (2005). Ketokohan al-Ghazzali dalam Bidang Logik. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hamim, T. (2000). Islam Dan Civil Society (Masyarakat Madani): Tinjauan Tentang Prinsip Human Rights, Pluralism Dan Religious Tolerance. dalam Ismail S.M. & Abdullah M. (pnyt.). Pendidikan Islam, Demokratisasi dan Masyarakat Madani(hlm. 115-127). Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Hasbullah Mat Daud, Ahmad Yusuf & Fakhru Adabi Abdul Kadir. (2020), Pembentukan Akhlak dan Sahsiah Pelajar Melalui Pembelajaran Sosial Menurut Perspektif Islam, eBangi Journal of Social Sciences and Humanities, Vol. 17. No. 9 (2020), 75-89
- Ikhwan Lubis, Maimun Aqsha Lubis, Siti Hajar Taib, Mohd Azaharin Ismail & Wan Ali Akbar Wan Abdullah (2021). Dasar Falsafah Dan Polisi Pendidikan Bersepadu: Pengalaman Malaysia. ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J). Vol. 4 (1) Januari 2021, h. 1-19
- Ismail Sualman. (2023). Memahami Konsep Malaysia Madani. Utusan Online 22 Januari 2023. <https://www.utusan.com.myirencana/2023/01/memahami-konsep-malaysia-madani/>
- Kamal Azmi Abd Rahman (2014) , Jihad Pendidikan: Satu Sorotan Kepada Autobiografi Al-Ghazālī (1058m-1111m) *Al-Munqidh Min Al-Ḍalāl*, Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi Bil 1(2014) 55-68
<https://doi.org/10.24191/jcis.v10i3.18>

- Md. Asham Ahamad. (2000). Kedudukan Agama Dalam Civil Society: Satu Tinjauan Sejarah. Al-Hikmah Bil. 3/2000. Kuala Lumpur: Forum ISTAC, 25-32
- Muhammad Zaki Zainuddin & Suariza @ Hidayah Muhammad. 2023. Tahap Pengetahuan Akidah Pelajar Sekolah Menengah Di Seremban Negeri Sembilan. *Journal of Contemporary Islamic Studies*. Vol. 9. Issue 1 2023
- Muhammad Zulazizi Mohd Nawi. (2021). Teras Pemikiran Abu Hamid Al-Ghazali Pemangkin kemenadian Sahsiah Insan Holistik. *International of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*. Issue 12, Vol 1 September 2021. pp 72-93
- Mohamad Hilmi & Norsuhaila Musa. (2014). Konsep Al-Quwwah Al-Insaniyyah Menurut Perspektif Al-Quran, Kpentingannya Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Serta Kesannya di Dunia Industri. 8th MUCET.
- Mohd Ammysrul Ashraf Sairan & Shukri Ahmad. (2018). Jejak Intelektual dan Pemikiran Akidah Muhammad Uthman El-Muhammady. *Journal of Contemporary Islamic Studies*. Vol. 4 Issue 2 2018
- Mohd Farihal Osman, Noor Habibi Long & Ahmad Bashir Aziz. (2016). Toleransi Nabawi Dalam Pembinaan Budaya Masyarakat Madani Yang Bertamadun. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)* Vol. 4: no. 5 (2016) page 52–64
- Nurul Hartini Taharudin, Nur Atiqah Soleh, Nur Shuhada Azmi, Farisah Hanim Mahyudin, Nur Syahira Rosli & Nikmatusolihah Adnan (2019). Mengenali Ketokohan Pemikiran Imam Al-Ghazali Mengenai Manusia. *Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara 2019 Ke-3 Hotel Grand Blue Wave Shah Alam, Selangor*. 22 Oktober 2019.
- Nurul Asiah Fasehah binti Muhammad. (2022). "Epistemologi Guru Pendidikan Islam." dalam Mohd Farid Sharhan (penyunting). *Model Pendidikan Islam Pembina Peradaban*. KL : IKIM
- Nursafra Mohd Zhaffar, Mohd Asyran Safwan Kamaruzaman & Mohd Haidhar Kamarzaman. (2022). Penggunaan Model Pengajaran Al-Ghazali dalam Konteks Pengajaran Berfikir Kritis. *Islamiyyat* 44 (Isu Khas) 200 : 71-83
- Nurzatil Ismah Azizan, Nazreen Ismail, Siti Mursyidah Mod Zin & Nur Fatihah Zainuddin. (2021). Cabaran membentuk Akhlak Remaja Melalui Persekutaran Sosial dan perkembangan Teknologi. *Jurnal Pengajian Islam*. Vol 14. No 1. Hal 118-129
- Norafifah Abd Hamid, Mahfuzah Mohammed Zabidi, Siti Nurul Izza Hashim & Nor Azlina Abd Wahab. (2023). Penerapan Ilmu Logik Dalam Kursus Falsafah Dan Isu Semasa: Kepentingan Terhadap Mahasiswa. *Journal of Islamic, Sosial, Economics and Development (JISED)*. Vol 8 Issue 52. Mac 2023. pp 93-103
- Noresah bt Baharom, et al. (2013). *Kamus Dewan*. Edisi Empat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syahirah Rosli, Siti Fairuz Mahmud & Mohd Edyazuan Azni. (2022). Mengintegrasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) Dalam Membangunkan Modal Insan Bersepadu, *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 86-103
- Ummi Munirah Syuhada Mohamad Zan. (2023). Tadbir Urus Kerajaan ‘Malaysia Madani’: Persepsi Golongan Belia Terpelajar E-Proesding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan kali ke-8 (PASAK 2023) 10 -11 Mei 2023
- Wan Daud, W. M. N. (2019). Budaya Ilmu: Makna dan Manifestasi dalam Sejarah dan Masa Kini. CASIS: Kuala Lumpur

Wan Hashim Wan Teh. (2023). Gagasan Masyarakat Madani Jadikan Etos Negara.Utusan Malaysia. 26 Ogos 2023 <https://www.utusan.com.my/rencana/2023/08/gagasan-masyarakat-madani-jadikan-etos-negara/>

Wazzainab Ismail & Farah Nur-Rashida Binti Rosnan. (2015). Islamisasi Ilmu: Konsep Dan Pelaksanaannya Dalam Pengajaran Bahasa Arab Dan Usul Fekah. International Research Management & Innovation Conferencewan (IRMIC 2015) Langkawi, 26 – 27 August 2015



© 2024 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY SA) license (<https://creativecommons.org/licenses/by-sa/4.0/>).